

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

FCP 453 : Farmasi Masyarakat

Masa : 2 jam

Kertas ini mengandungi LIMA soalan 17 muka surat yang bertaip.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

ANGKA GILIRAN : _____

1. Soalan Pilihan Berganda. Jawab soalan dengan menandakan (/) pada ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah ditolak bagi jawapan yang salah.
- A. Yang mana di antara penjualan drug berikut tidak memerlukan simpanan rekod penjualannya?
- (a) Kapsul Ampisilin.
 - (b) Tablet Diazepam.
 - (c) Campuran Aluminium Hidrosid dan Magnesium Trisilikat.
 - (d) Pil Kontraseptif.
- B. Analisis lokasi sesuatu tempat bagi tujuan membuka farmasi adalah untuk
- (a) mengetahui persaingan perniagaan yang terdapat di kawasan tersebut.
 - (b) menilai corak aliran pergerakan masyarakat setempat.
 - (c) menilai kuasa membeli populasi setempat.
 - (d) semua di atas.

...3/-

ANGKA GILIRAN : _____

C. Yang mana di antara tindakan pesakit/pelanggan berikut tidak dianggap sebagai swa-rawatan?

- (a) Meminjam ubat untuk meredakan sengal-sengal tulang belakang.
- (b) Membeli sediaan antasid untuk meredakan pedih ulu-hati.
- (c) Mengambil aspirin untuk meredakan sakit kepala.
- (d) Membeli krim kulit bersama-sama dengan ubat preskripsi lain untuk masalah kegagalan renal kronik.

D. Seorang lelaki (AB) menelefon anda di farmasi menyatakan yang emaknya mengadu sakit kepala, berpeluh dan kelihatan resah. Apakah tindakan anda?

- (a) Mencadangkan supaya emak AB mengambil dua tablet parasetamol dan meminum air banyak.
- (b) Menyoal AB berkenaan dengan sejarah perubatan dan pengubatan emaknya.
- (c) Mencadangkan tindakan (a) dan nasihat AB membawa emaknya ke hospital.
- (d) Melakukan tindakan (b) dan nasihat AB membawa emaknya ke hospital.

E. Yang mana di antara interaksi drug -drug OTC berikut menghasilkan kesan tambahan?

- (a) Aspirin - antasid.
- (b) Tretinoin - krim urea.
- (c) Minyak ikan kod - minyak galian.
- (d) Multivitamin - magnesium trisilikat.

...4/-

ANGKA GILIRAN : _____

F. Yang mana di antara simptom-simptom hemoroid berikut adalah sesuai untuk swapengubatan?

..... (a) Inflamasi.

..... (b) Trombosis.

..... (c) Tirisan.

..... (d) Tersembul.

G. Yang mana di antara bahan aktif yang terdapat dalam sediaan OTC hemoroid adalah dianggap selamat dan berkesan?

..... (a) Antikolinergik.

..... (b) Penyembuh luka.

..... (c) Vasokonstriktor.

..... (d) Antiseptik.

H. Yang mana di antara keadaan berikut boleh menyebabkan simptom pruritus tanpa menunjukkan lesi-lesi kulit?

..... (a) Kehamilan.

..... (b) Gangguan tiroid.

..... (c) Diabetes mellitus.

..... (d) Semua di atas.

...5/-

ANGKA GILIRAN : _____

I. Yang mana di antara drug berikut mempunyai ciri komedogenik?

- (a) Kodein.
- (b) Litium.
- (c) Tolbutamid.
- (d) Ampisilin.

J. Yang mana di antara pernyataan berikut adalah benar?

- (a) Individu yang mengadu ruam kulit yang berlaku bersama-sama simptom-simptom sakit tekak dan demam adalah sesuai untuk swapengubatan.
- (b) Sediaan krim dan losen yang mengandungi lanolin mempunyai risiko alahan yang tinggi.
- (c) Masalah dermatitis medicamentosa lebih kerap berlaku bagi sediaan-sediaan ubat topikal.
- (d) Sediaan anestetik OTC yang mengandungi benzokain mempunyai risiko alahan yang kurang daripada lignokain.

K. Berdasarkan pengkelasan FDA Amerika Syarikat, jika sesuatu drug itu telah menunjukkan risiko pada fetus haiwan tetapi tiada kajian terkawal dalam manusia, ia akan dikelaskan di bawah faktor risiko

- (a) A
- (b) B
- (c) C
- (d) D

...6/-

ANGKA GILIRAN : _____

L. Yang mana di antara analgesik berikut adalah yang paling selamat diberikan kepada wanita hamil?

- (a) Aspirin.
- (b) Naproksen.
- (c) Parasetamol.
- (d) Indometasin.

M. Yang mana di antara laksatif berikut merupakan pilihan utama untuk meredakan sembelit yang dialami oleh wanita hamil?

- (a) Biscodyl^R.
- (b) Metilsellulos.
- (c) Parafin cecair.
- (d) Dantron^R.

N. Yang mana di antara antiemetik berikut telah dibuktikan boleh menyebabkan kecacatan pada bayi manusia apabila ianya digunakan oleh ibu semasa hamil?

- (a) Siklizin.
- (b) Prometazin.
- (c) Diphenhidramin.
- (d) Promazin.

...7/-

ANGKA GILIRAN : _____

O. Yang mana di antara pernyataan berikut berkenaan dengan alahan susu adalah benar?

- (a) Alahan susu lembu biasanya diakibatkan oleh kandungan lemak yang berlebihan.
- (b) Alahan susu lembu biasanya diakibatkan oleh protein yang berlebihan.
- (c) Alahan susu lembu biasanya diakibatkan oleh kandungan karbohidrat yang berlebihan.
- (d) Alahan susu lembu biasanya diakibatkan oleh osmolariti yang tinggi.

P. Yang mana di antara sediaan susu berikut adalah paling sesuai untuk neonat?

- (a) Sediaan A berosmolariti 400 mOsm/Kg.
- (b) Sediaan B dengan kandungan vitamin A yang tinggi.
- (c) Sediaan C yang bebas laktosa.
- (d) Sediaan D dengan kandungan kalori 67 Kcal/dl.

Q. Yang mana di antara sediaan berikut adalah sesuai untuk merawat diarea yang dialami oleh neonat?

- (a) Sediaan A berosmolariti 400 mOsm/Kg.
- (b) Sediaan B dengan kandungan vitamin A yang tinggi.
- (c) Sediaan C yang bebas laktosa.
- (d) Sediaan D dengan kandungan kalori 67 Kcal/dl.

...8/-

ANGKA GILIRAN : _____

R. Yang mana di antara agen-agen berikut merupakan bahan aktif larutan 'Burrows'?

- (a) Aluminium asetat.
- (b) Karbamid peroksid.
- (c) Gliserin.
- (d) Mentol.

S. Yang mana di antara langkah-langkah berikut adalah sesuai di dalam penggunaan sediaan OTC otik?

- (a) Merujuk kes "swimmer's ear" yang bersimptom gatal-gatal dan telah berlaku selama dua hari kepada doktor.
- (b) Merujuk kes "swimmer's ear" yang bersimptom nyeri dengan pergerakan cuping dan telah berlaku melebihi 5-7 hari kepada doktor.
- (c) Semua kes "swimmer's ear" perlu dirujuk kepada doktor.
- (d) Semua kes "swimmer's ear" dapat dirawat dengan sediaan OTC otik.

T. Yang mana di antara berikut bukan simptom otitis eksterna?

- (a) Nyeri akut.
- (b) Discas berbau.
- (c) Bengkak setempat.
- (d) Pekak.

...9/-

ANGKA GILIRAN : _____

U. Yang mana di antara pernyataan berkenaan alergi rinitis adalah benar?

- (a) Pesakit kadang-kadang merasa lesu dan sakit otot.
- (b) Ianya sama seperti selsema biasa.
- (c) Ianya seringkali menyebabkan jangkitan sekunder.
- (d) Simptomnya seringkali melibatkan demam.

V. Yang mana di antara agen berikut adalah agen aktif di dalam sediaan spermasid ?

- (a) Nanoksinol-9
- (b) Kombinasi progesteron dan estrogen
- (c) Progesteron sahaja
- (d) Kombinasi oktoksinol dan progesteron

W. Yang mana di antara nematod berikut adalah punca infestasi 'trichinosis'?

- (a) Trichinella spiralis
- (b) Necator americanus
- (c) Ascaris lumbricoides
- (d) Entrobilus vermicularis

...10/-

ANGKA GILIRAN : _____

X. Yang mana di antara pernyataan berikut berkenaan penggunaan tampon adalah benar ?

- (a) Ia lebih selesa dan dipakai pada bahagian perineum.
- (b) Ia mempunyai kebaikan seperti kurang meleceet,berbau busuk dan iritasi.
- (c) Sindrom kejutan toksik seringkali berkaitan dengan penggunaan lampin wanita.
- (d) Kematian akibat daripada sindrom kejutan toksik seringkali berkaitan dengan sakit tekak dan kegagalan renal yang teruk.

Y. Yang mana diantara berikut adalah manifestasi klinikal utama infestasi 'hook worm'?

- (a) Anemia kekurangan zat besi akibat daripada kehilangan darah sebanyak 0.6 ml darah/cacing sehari.
- (b) Rasa kegatalan yang teruk dibahagian perianal.
- (c) Urtikaria serta distress ke atas organ jantung dan pernafasan.
- (d) Obstruktif usus dan tindak balas alergi.

...11/-

2. Berikan pendapat dan cadangan anda berkenaan dengan kes-kes berikut daripada aspek kesesuaian untuk swapengubatan dengan sediaan-sediaan OTC.

(i) Cik. TH, seorang remaja datang ke farmasi anda mengadu sakit tekak sejak sehari yang lalu. Anda melihat ada tanda-tanda kemerahan di bahagian tekak Cik TH. Beliau juga mengadu hidungnya tersumbat dan merasa 'lengoh-lengoh' badan. Cik TH menafikan kesukaran untuk bernafas, menelan makanan, dan beliau juga tidak mengambil sebarang ubat-ubatan lain sama ada ubat preskripsi ataupun OTC.

(5 Markah)

(ii) Puan CS, 65 tahun datang ke farmasi anda bersama anaknya berhasrat untuk membeli suatu sediaan antasid. Mengikut anaknya, Puan CS mengalami rasa loya dan perut meragam sejak beberapa hari yang lalu. Kadangkalanya, Puan CS merasa sakit di bahagian epigastrik tetapi tidak ada kaitan dengan pengambilan makanan.

Apabila anda menyoal anaknya lagi, beliau menjelaskan yang ibunya sedang mengambil empat jenis tablet, iaitu, 2 tablet untuk masalah jantung, ubat 'air' (diuretik), dan ubat sakit pinggang (Indometasin 25 mg TDS). Puan CS menerangkan yang dia mengambil semua ubat selepas makan sebagaimana yang diarahkan. Untuk mengatasi masalah sakit perutnya, Puan CD cuba mengambil 2 - 3 biji tablet parasetamol.

(5 Markah)

...12/-

- (iii) Encik AP, 46 tahun ingin anda mencadangkan sediaan ubat batuk yang sesuai untuknya. Beliau kelihatan kurus dan mengadu batuk-batuk sejak 1-2 bulan yang lalu. Mengikut Encik AB, batuk-batuknya disertai kahak tetapi tiada purulen ataupun darah. Beliau juga seorang perokok kronik tetapi menafikan mengambil sebarang ubat-ubatan kecuali tablet parasetamol apabila merasa sakit kepala. Beliau juga mengadu kurang selera makan dan berkehendakan anda mencadangkan suatu sediaan multivitamin yang sesuai untuknya.

(10 Markah)

- (iv) Puan SS, 26 tahun seorang ibu muda datang ke farmasi anda untuk membeli suatu sediaan krim. Beliau meminta nasihat anda mengenai sediaan yang sesuai untuk meredakan tangannya yang kering dan pedih. Kulit tangannya kelihatan bersisik tetapi tiada tanda-tanda pecah, merekah, atau jangkitan seperti nanah.

Apabila anda menyoalnya lagi, anda diberitahu bahawa Puan SS merendam lampin anaknya dengan larutan pencuci sebelum dibasuh dengan mesin pembasuh. Semasa merendam lampin beliau tidak memakai sarung tangan. Selanjutnya, Puan SS juga menafikan mempunyai sejarah alahan ataupun mengalami asma.

(5 Markah)

- 3.(A) Fatimah seorang Ahli Farmasi yang berpengalaman berminat untuk membuka perniagaan farmasi runcit sendiri di Shah Alam. Sebelum itu beliau juga telah ditawarkan untuk mengambil alih 1 (satu) farmasi di Kuala Lumpur.

Berikut adalah butiran farmasi tersebut:

Nama Farmasi : Farmasi Ente.

Tahun ditubuhkan : 1990.

...13/-

Anggaran stok simpanan : RM 60,000.00

Anggaran pulangan/tahun: RM 500,000.00

Sewa Bangunan : RM 4500.00/bulan.

Jumlah pekerja : 3 orang.

Royalti (selama 5 tahun) : 5% sebulan dari jumlah
jualan.

Duit Muhibbah (Goodwill) : RM 60,000.00

Sebab ingin dijual : Tuan punya akan berhijrah ke
Australia.

Apakah bentuk penelitian yang harus Fatimah ambil
samada menerima tawaran tersebut atau memulakan yang
baru. Terangkan?

(15 Markah)

3.B. Terangkan dengan ringkas perkara-perkara di bawah ini.

- (i) Fungsi ROB (Registrar of Business) dan ROC
(Registrar of Companies).
- (ii) Pra Operasi.
- (iii) Titik Pulang Modal (Break-Even-Point).
- (iv) Rekod preskripsi.
- (v) Hak Milik Sendiri (Sole Proprietorship).

(10 Markah)

...14/-

4. (A) B/O Mariamah berumur 4 tahun telah dibawa ke Farmasi anda dengan aduan ruam di bahagian sekitar kemaluannya.

(i) Senaraikan maklumat lanjut yang anda perlukan untuk membolehkan anda mencadangkan rawatan yang sesuai?

(3 Markah)

(ii) Senaraikan sediaan yang biasa digunakan untuk merawat masalah pesakit ini?

(5 Markah)

(iii) Berikan kaunseling yang paling sesuai mengenai penggunaan rawatan yang anda pilih di bahagian (ii) di atas.

(5 Markah)

B. (i) Bandingkan dan bezakan di antara tiga jenis kanta sentuh yang terdapat di pasaran.

(8 Markah)

(ii) Senaraikan kontraindikasi dan pengawasan yang sesuai bagi penggunaan kanta sentuh.

(4 Markah)

...15/-

5. Puan MM seorang guru berumur 25 tahun datang ke kedai farmasi mengadu selsema dengan simptom-simptom seperti bersin,berhingus dan kadang-kadang batuk. Masalah tersebut telah dialami sejak dua hari yang lepas dan mengganggu aktiviti hariannya. Maklumat daripada puan MM menunjukkan bahawa beliau tidak mengidap sebarang penyakit lain.

A. Terangkan dengan ringkas patofisiologi selsema biasa.

(6 Markah)

B. Cadangkan sediaan(-sediaan) oral yang sesuai untuk MM dan berikan sebab-sebab pemilihan anda.

(7 Markah)

C. Bandingkan kebaikan dan keburukan sediaan dekongestan topikal dengan sediaan dekongestan oral.

(6 Markah)

D. Berikan maklumat kaunseling berkaitan dengan rawatan tanpa drug dan sediaan(-sediaan) yang anda pilih untuk puan MM.

(6 Markah)

...16/-

Lampiran

Senarai Nilai Normal Makmal

1.	Ammonia	80-110 mcg/dl atau	47-65 umol/L
2.	Amilase	4-25 IU/ml	
3.	Bilirubin		
-	Langsung	0-0.2 mg/gl	0-3 umol/L
-	Tak langsung	0.2-0.8 mg/dl	30-14 umol/L
-	Total	0.2-1 mg/dl	30-17 umol/L
4.	CO ₂	20-30 mEq/L	24-30 mMol/L
5.	pCO ₂	35-45 mmHg	
6.	CI	100-106 mEq/L	100-106 mMol/L
7.	Cpk	50-170 U/L	
8.	Kreatinin (SCr)	0.6-1.5 mg/dl	60-130 umol/L
9.	Glukos rawak	70-110 mg/dl	3-10 umol/L
10.	Zat besi	50-150 mcg/dl	9.0-26.9 umol/L
11.	Laktik dehidrogenase	70-210 IU/L	
12.	Magnesium	1.5-2.0 mEq/L	0.8-1.3 mMol/L
13.	pO ₂	75-100 mmHg	
14.	pH	7.35-7.45	
15.	Asid fosfatase		
	lelaki	0.13-0.63 IU/ml	36-176 nmol s ⁻¹ /L
	wanita	0.101-0.65 IU/ml	2.8-156 nmol s ⁻¹ /L
16.	Alkalin fosfatase	39-117 IU/L	
17.	Fosforus	3.0-4.5 mg/dl	1.0-1.5 mMol/L
18.	Kalium (K ⁺)	3.5-5.0 mEq/L	3.5-5.0 mMol/L
19.	Kalsium (Ca ²⁺)	8.5-10.5 mg/dl	2.1-2.6 mMol/L
20.	Na ⁺	135-145 mEq/L	135-145 mMol/L
21.	HCO ₃ ⁻	24-38 mEq/L	24-28 mMol/L

...17/-

22.	Protein		
-	Total	6.0-8.5 g/dl	60-85 g/L
-	Albumin	3.5-5.0 g/dl	35-50 g/L
-	Globulin	2.3-3.5 g/dl	23-35 g/L
-	Transferin	200-400 mg/dl	2.0-9.0 g/L
23.	Transaminase (SGOT)	0-40 IU/L	0-0.32 umol s ⁻¹ /L
24.	BUN	8-25 mg/dl	2.9-8.9 mMol/L
25.	Asid urik	3-7 mg/dl	0.18-0.42 mMol/L
26.	Gambaran darah		
	Sel darah merah (RBC)		
	lelaki	4.8-6.4 x 10 ⁶ /mm ³	
	wanita	4.2-5.4 x 10 ⁶ /mm ³	
	Sel darah putih (WBC)	4.0-11.0 x 10 ³ /mm ³	
	P	60-75%	
	L	20-40%	
	M	4-8%	
	B	0-1%	
	E	1-3%	
	Platelat (Plt)	200-400 x 10 ³ /mm ³	
27.	ESR		
	lelaki	0-10 mm/jam (Wintrobe)	
	wanita	0-15 mm/jam (Wintrobe)	
28.	Hematokrit		
	lelaki	45-52%	
	wanita	37-48%	
29.	Hemoglobin (Hgb)		
	lelaki	13-18 g/dl	
	wanita	12-16 g/dl	
30.	Mass protrombin (PT)	75-100% nilai asas	
31.	APTT	25-37 saat	
32.	Klearens Kreatinin (CrCl)	105-150 ml/min/1.73 m ²	
33.	TT ₄	3.0-7.5 mcg/dl	
34.	RT ₃ U	25-35%	
35.	FTI	1.3-4.2	

-ooOoo-

